

# Kutip derma guna nama PM: Polis diminta mengesan

KUALA LUMPUR, Isnin — Polis telah diminta membantu mengesan pihak-pihak yang cuba menggunakan nama pemimpin-pemimpin negara untuk mengutip derma bagi apa yang dikatakan 'Tabung pelajaran murid miskin' Rumah Pangsa Tunku Abdul Rahman, Jalan Pekeliling di sini.

Hal ini telah diadakan oleh orang perscorangan dan firma-firma kepada Sektor B. Rukun Tetangga, Jalan Pekeliling dalam seminggu ini dan telah pun dilaporkan kepada polis.

Jurucakap sektor RT berkenaan, Encik Zaharin Mohamad Yassin hari ini berkata, dari surat-surat rayuan derma yang diserahkan kepada

pihaknya didapati satu malam amai untuk tujuan mengutip derma berkenaan akan diadakan pada 1 November ini di sebuah hotel di sini.

Menurut surat-surat itu lagi, acara itu ialah anjuran cawangan sebuah parti politik dan di antara tetamu yang akan hadir ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam.

Encik Zaharin berkata, pihaknya telah menghubungi Pejabat Perdana Menteri untuk mendapatkan pengesahan tentang kehadiran kedua-dua pemimpin itu di majlis tersebut dan hal ini dinafikan. — Bernama.